



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 26/2021

### PENGOPERASIAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA DUA BERMULA 5 JULAI 2021

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pengoperasian Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua bermula 5 Julai 2021 selaras dengan kenyataan media oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 3 Julai 2021 dan arahan Ketua Setiausaha Negara pada 4 Julai 2021 serta Pelan Pemulihan Negara – SOP Fasa 2 oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka di semua Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PPN Fasa Dua kecuali kepada pelajar yang berkeperluan tertakluk kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan pengesahan KPT atau pihak Universiti sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan.
3. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PPN Fasa Dua adalah secara hibrid melalui keberadaan di Pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut:
  - i. Kehadiran di pejabat **tidak melebihi 40%** bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan dan penguatkuasaan) dan **60% BDR** secara penggiliran;
  - ii. Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
  - iii. Perkhidmatan kaunter adalah dibuka dan tertakluk seperti mana tatacara berikut:
    - a. Perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian;
    - b. Kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50%; dan
    - c. Kehadiran secara fizikal hanya melalui temu janji berjadual;

- iv. Seminar, bengkel, kursus, latihan, dan ceramah **TIDAK DIBENARKAN** secara fizikal kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah *Camp Based Training*. Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah perlulah dilaksanakan secara dalam talian;
  - v. Aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas yang berkeperluan sahaja dan secara individu adalah **DIBENARKAN** dengan kebenaran Ketua PTJ mengikut SOP yang ketat dengan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13 Januari 2021 yang disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 8/2021 bertarikh 4 Februari 2021; dan
  - vi. Pelajar yang berada di asrama dibenarkan untuk berada di asrama dan meneruskan pembelajaran secara hibrid.
4. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu merancang dan menyusun kehadiran staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat tidak melebihi 40% (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan dan penguauasaan). Walau bagaimanapun, staf yang diperlukan hadir bekerja atau yang dikategorikan di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*) hendaklah **HADIR** bertugas secara fizikal. Bagi pelaksanaan BDR, warga UMK boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Pekeliling Pentadbiran Bil. 16/2020 bertarikh 26 Mac 2020 dan panduan yang dikemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal eCommunity (*Files Library >> Skim/ Garis Panduan*).
5. Ketua PTJ hendaklah **HADIR** bekerja secara fizikal di pejabat dan memastikan perkhidmatan asas PTJ tidak terjejas dan berterusan sepanjang tempoh PPN Fasa Dua. Pengecualian hadir ke pejabat hendaklah mendapat **KELULUSAN** daripada Naib Canselor.
6. Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan Surat Kelulusan Pergerakan oleh Ketua PTJ masing-masing melalui Portal eCommunity >> Admin >> eTadbir >> Pentadbiran >> Permohonan Rasmii.
7. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Universiti dari semasa ke semasa serta sentiasa mengamalkan norma baharu.
8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **5 Julai 2021** sehingga terdapatnya pengeluaran arahan terbaru oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MAZULA BINTI SABUDIN**  
Pendaftar

6 JULAI 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab